KERAJAAN MALAYSIA

KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN

PERKHIDMATAN PERUNDING KEJURUTERAAN MEKANIKAL & ELEKTRIK

PROJEK:
CADANGAN PEMBINAAN BALAI BOMBA DAN PENYELAMAT BEAUFORT, SABAH.

LAPORAN RINGKAS LAWATAN TAPAK, PERBINCANGAN DENGAN PIHAK SABAH ELECTRICITY SDN BHD DAN TELEKOM MALAYSIA BERHAD.

Disediakan Oleh;

JURUTERA PERUNDING INTELEK SDN BHD
NO.22-2, LOT 114, 2ND FLOOR, BLOCK D,
LORONG KINGFISHER 6, PLAZA KINGFISHER,
KUALA INANAM LIKAS,
88400 KOTA KINABALU, SABAH
NO. TEL.: 088-384001 ; NO. FAKS : 088-384003

1.0 Pengenalan

1.1 Lawatan ke tapak cadangan projek telah diadakan pada 14 September 2019 bersama perunding-perunding Arkitek, C&S, QS, M&E, wakil KPKT dan wakil Jabatan Bomba Dan Penyelamat Beaufort.

1.2 Perbincangan dengan pihak SESB Beaufort telah diadakan pada 17 September 2019 berhubung sambungan bekalan elektrik ke tapak projek dan masalah ketinggian kabel atas tanah SESB yang rendah di pintu masuk utama ke tapak projek.

1.3 Perbincangan dengan pihak Telekom Malaysia Berhad melalui telefon telah diadakan pada 18 September 2019 berhubung sambungan talian telefon ke tapak projek.

1.4 Tujuan lawatan tapak diadakan adalah untuk:
i. Mengenalpasti lokasi tapak cadangan projek.
ii. Mengumpul maklumat-maklumat berhubung:
- punca bekalan elektrik berdekatan tapak untuk tujuan bekalan tetap ke tapak projek.
- punca sambungan talian telefon berdekatan tapak untuk tujuan pemasangan tetap ke tapak projek.
- pemasangan sediada talian elektrik dan telefon yang perlu dipindah sebelum projek boleh dilaksanakan.

1.5 Tujuan perbincangan dengan pihak SESB dan Telekom Malaysia Berhad adalah untuk:
i. Memaklumkan kepada pihak SESB dan Telekom Malaysia Berhad berhubung projek ini.
ii. Mendapatkan maklumat awalan seperti berikut;
- "*Tapping point*" terdekat yang boleh dilakukan untuk sambungan tetap ke tapak projek.
- Anggaran kos sumbangan untuk sambungan tetap ke tapak projek.

2.0 Maklumat-maklumat yang diperolehi hasil dari lawatan tapak adalah seperti berikut:

2.1 Lokasi tapak projek terletak di Pekan Beaufort iaitu lebih kurang 100 kilometer dari Bandaraya Kota Kinabalu dan berdekatan dengan Pejabat Daerah Beaufort.

2.2 Didapati tapak projek terdapat bangunan Kuarters Jabatan Bomba Dan Penyelamat Beaufort sediada. Sila rujuk Gambar 1 seperti dilampiran.

2.3 Didapati jalan masuk sediada adalah jenis konkrit/tar dan terdapat pemasangan tiang lampu kawasan. Sila rujuk Gambar 2 seperti dilampirkan.

2.4 Didapati di depan tapak projek iaitu jalan/pintu masuk ke tapak projek terdapatnya talian atas Elektrik sediaada 33kV/11kV/415V yang mana ketinggian pemasangannya tidak cukup tinggi dan akan menghalang kenderaan berat Jabatan Bomba keluar masuk. Dianggarkan "*clearance*" talian 33kV/11kV dari atas jalan masuk lebih kurang 3 hingga 4 meter manakala talian 415V dalam 5 meter. Sila rujuk Gambar 1 hingga 4 seperti dilampiran.

2.5 Didapati Pencawang Elektrik SESB sediada yang terdekat adalah Pencawang Elektrik Mahkamah Syariah Dan Majistret dan Pencawang Elektrik Hospital Beaufort. Sila rujuk Gambar 5 dan Gambar 6 seperti yang dilampirkan.

2.6 Didapati talian telefon secara talian atas Telekom Malaysia Berhad di sebelah Jalan Lintas Pekan dengan tapak projek. Sila rujuk Gambar 7 seperti di lampiran.

3.0 Maklumat-maklumat yang diperolehi hasil dari perbincangan dan lawatan bersama jurutera, Puan Maslinah Binti Abdullah wakil pihak SESB Beaufort pada 17 September 2019 adalah seperti berikut:

3.1 Talian atas 33kV/11kV/415V akan dinaikkan ke paras yang dikehandaki oleh Akta Bekalan Elektrik.

3.2 Tapak Pencawang Terbuka bersaiz 10’ x 10’ yang baru perlu disediakan untuk pemasangan transformer SESB.

3.3 Terdapat dua (2) “tapping point” untuk sambungan bekalan elektrik tetap ke tapak projek.

4.0 Maklumat-maklumat yang diperolehi hasil dari perbincangan dengan Puan Joanne Ng, Government Sales Sabah, Telekom Malaysia Berhad, Kota Kinabalu adalah seperti berikut:

4.1 Penaiktarafan pertukaran talian di kawasan Beaufort mungkin dilaksanakan tahun depan dan perkhidmatan UNIFI boleh diperolehi.

4.2 Anggaran kos sumbangan untuk sambungan tetap talian Telekom Malaysia Berhad ke tapak projek adalah RM80,000.00.

Disediakan Oleh : Jurutera Perunding Intelek Sdn Bhd



Gambar 1 : Pintu/Jalan Masuk ke Kuarters Bomba Beaufort.



Gambar 2 : Pintu/Jalan Masuk ke Kuarters Bomba Beaufort.



Gambar 3 : Pemasangan kabel 33kV/11kV/415V sediada di sebelah kiri pintu/jalan masuk ke Kuarters Bomba Beaufort.



Gambar 4 : Pemasangan kabel 33kV/11kV/415V sediada di sebelah kanan pintu/jalan masuk ke Kuarters Bomba Beaufort.



Gambar 5 : Pencawang Elektrik Mahkamah Syariah Dan Majistret yang berhampiran (jarak dalam 150 meter ke kawasan tapak cadangan).



Gambar 6 : Pencawang Elektrik Hospital Beaufort yang berhampiran (jarak dalam 130 meter ke kawasan tapak cadangan).



Gambar 7 : Talian telefon secara talian atas Telekom Malaysia Berhad sediada di sebelah Jalan Lintas Pekan tapak cadangan ke Kuarters Bomba.